

Keberkesanan *Think-Pair-Share* Terhadap Motivasi dan Penglibatan Murid dalam Penguasaan Penulisan Bahasa Malaysia Sekolah SJK(C)

(*Strategy Think-Pair-Share As A Method To Improve Student's Malay Essay Writing Motivation and Learning Achievement*)

Low Huei Shin¹, Faridah Mydin Kutty^{2*}

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: hilary_hueishin@yahoo.com

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: faridah_mydin@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):

Faridah Mydin Kutty
(faridah_mydin@ukm.edu.my)

KATA KUNCI:

Strategi think-pair-share
Pembelajaran koperatif
Motivasi dan penglibatan belajar
Kajian tindakan

KEYWORDS:

Think-pair-share strategy
Cooperative learning
Motivation and learning engagement
Action research

CITATION:

Low, H. S., & Faridah Mydin Kutty. (2022). Keberkesanan *Think-Pair-Share* Terhadap Motivasi dan Penglibatan Murid dalam Penguasaan Penulisan Bahasa Malaysia Sekolah SJK(C). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), e001517.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1517>

ABSTRAK

Motivasi merupakan elemen penting dalam mendorong dan mempengaruhi cara seseorang untuk bertindak bagi mencapai sesuatu yang dimatlamatkan. Dalam perkembangan bahasa, aspek motivasi memainkan penting bagi mempengaruhi kesungguhan murid belajar sesuatu bahasa terutamanya bahasa kedua kerana sikap yang positif untuk mempelajari bahasa kedua terbentuk daripada motivasi yang tinggi. Namun, penguasaan mata pelajaran ini menjadi kekangan terutamanya murid bukan penutur natif kerana mereka kurang bermotivasi untuk meningkatkan kemahiran khususnya kemahiran penulisan dalam mata pelajaran ini. Justeru, kajian tindakan ini bertujuan melihat keberkesanan strategi *think-pair-share*, salah satu pembelajaran koperatif bagi meningkatkan motivasi dan penglibatan murid dalam penguasaan penulisan Bahasa Malaysia. Bagi mencapai objektif yang digariskan, pengkaji menggunakan reka bentuk kajian tindakan [Kemmis dan Mc Taggart \(1988\)](#) untuk mengumpul data. Sampel kajian terdiri daripada 20 orang murid Tahun 3 dari sebuah SJK(C) di Ipoh. Data dikumpulkan melalui ujian pra dan pasca, soal selidik serta borang pemerhatian. Data diperolehi telah dianalisis secara statistik deskriptif menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 26.0. Hasil kajian menunjukkan strategi ini berkesan dalam meningkatkan penguasaan penulisan murid bukan penutur natif dalam penulisan Bahasa Malaysia dengan peningkatan markah penulisan dalam ujian pra dan pasca. Hasil dapatan kajian turut membuktikan motivasi murid bukan penutur natif dalam penulisan selepas intervensi adalah tinggi ($M=4.20$, $SD= 0.76$) dan penglibatan murid dalam penulisan turut tinggi ($M = 4.07$ dan $SD = 0.64$). Hasil kajian ini membuktikan strategi *think-pair-share* yang bercirikan pembelajaran koperatif dapat meningkatkan motivasi dan penglibatan murid bukan penutur natif dalam penguasaan

penulisan mata pelajaran Bahasa Malaysia.

ABSTRACT

Motivation is an essential element for encouraging and influencing a person's way of acting to achieve something. In language development, the motivational aspect is the most crucial factor influencing a person's seriousness in learning a language, especially a second language. However, mastery of these subjects becomes a restraint to non-speaker students because they are not motivated to improve proficiency, especially in writing skills. Thus, this action study aims to see the effectiveness of the think-pair-share strategy, one of the cooperative learning, to increase the motivation and involvement of students in mastering Malay writing. To achieve the objectives outlined, the reviewer used [Kemmis and Mc Taggart \(1988\)](#) action study design to collect data. The study sample consisted of 20 Year 3 students from one of the Chinese National Schools in Ipoh. Data was collected using pre and post-tests, questionnaires and observation lists. The data obtained has been analyzed statistically descriptively using the statistical package for social science (SPSS) software version 26.0. The results showed think-pair-share strategy is effective in improving the mastery of writing of non-speakers in Malaysian writing with increased writing marks in pre and post-tests. The study results also proved the motivation of non-speaker students in writing Malaysian subjects. After the intervention is high ($M=4.20$, $SD= 0.76$), and the involvement of non-speakers in the writing of Malaysian issues is also high ($M = 4.07$ dan $SD = 0.64$). This study proves that think-pair-share strategies can increase the motivation and involvement of non-speakers in the mastery of writing Malaysian subjects.

Sumbangan/Keaslian: Sumbangan utama kajian ini ialah mendapati bahawa strategi *think-pair-share* yang bercirikan koperatif dapat meningkatkan motivasi dan penglibatan murid bukan penutur natif dalam penulisan Bahasa Malaysia. Kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan kepada para guru dalam konteks pengajaran penulisan dalam bahasa kedua di Malaysia.

1. Pengenalan

Motivasi merujuk kepada pendorong dasar yang menggerakkan seseorang untuk bertingkah laku ([Dimiyati dan Mujiono, 2006](#) ; [Sufinatin Aisida, 2018](#)). Menurut [Hamid dan Mohammad Mehdi \(2012\)](#), dorongan dalaman atau luaran akan membantu untuk menggerakkan seseorang. Motivasi berupaya mendorong pilihan tingkah laku seseorang manusia ([Weiner, 1980](#)). Oleh itu, motivasi boleh didefinisikan sebagai suatu usaha gerakan tindakan atau tingkah laku seseorang untuk mencapai sesuatu matlamat yang disasarkan ([Mariam & Zanariah, 2015](#)).

Menurut [Weiner \(1980\)](#), motivasi dalam pembelajaran merupakan unsur yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar membolehkan murid melibatkan diri secara aktif selain menjadikan proses pembelajaran itu lebih bermakna, berfaedah dan menggembirakan ([Kamaruddin, 1993](#); [Zaliza dan Zaitul, 2013](#)). Di samping itu, motivasi

pembelajaran yang ada pada seseorang murid akan menjadi dorongan intrinsik untuk mencapai tujuan yang diinginkan (Lidia Susanti, 2020). Tidak dapat dinafikan bahawa motivasi dalam pembelajaran amat penting dan merupakan salah satu faktor yang menentukan sikap murid terhadap pembelajaran dan tahap penguasaan mereka dalam sesuatu mata pelajaran. Menurut Noor Zuhidayah dan Siti Saniah (2018), jika motivasi seseorang murid tinggi, pelbagai usaha akan dilakukan untuk mencapai matlamat, sebaliknya, jika motivasi murid rendah, maka murid itu akan kurang berusaha dan tidak bersemangat untuk melakukan sesuatu. Menurut kajian Zaliza dan Zaitul (2013), terdapat hubungan di antara motivasi dengan penguasaan bahasa kedua. Hasil kajian Khairul dan Wan Muna (2017) turut menunjukkan pengaruh motivasi mendorong murid bukan penutur natif untuk mencapai kejayaan yang cemerlang terhadap pembelajaran Bahasa Malaysia yang merupakan bahasa kedua. Oleh itu, dalam konteks penguasaan bahasa kedua, motivasi menjadi elemen penting kerana ia menentukan sejauh mana penglibatan peribadi, keaktifan dan kejayaan dalam menguasai bahasa kedua (Ayuni dan Rohaidah, 2016).

Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar telah dicatat dalam Akta Pendidikan 1996 yang menjelaskan bahawa kedudukan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama hanya untuk sekolah kebangsaan sahaja dan sekolah jenis kebangsaan dibenarkan menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar sekolah. Hal ini memberikan kelebihan kepada murid penutur natif untuk menguasai bahasa Malaysia dengan lebih baik. Namun begitu, terdapat segelintir murid terutamanya murid penutur natif dipengaruhi oleh bahasa ibunda mereka ketika belajar Bahasa Malaysia (Khairul dan Wan Muna, 2017). Menurut Ooi dan Vijayaletchumy Subramaniam (2017), penguasaan bahasa kedua amat berbeza berbanding dengan bahasa pertama yang kerap digunakan dalam kehidupan seharian. Kesannya, murid yang bukan penutur natif menghadapi masalah dalam menguasai kemahiran-kemahiran yang meliputi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia (Chew, 2016).

Menurut Aman Shah et al. (2021), kemahiran menulis merupakan asas kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan perlu diberikan penekanan terhadap aspek seperti penggunaan tanda baca dan ejaan yang betul dan penggunaan ayat yang gramatis. Kemahiran ini melibatkan keupayaan murid dalam mengeluarkan idea yang berhubungan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman yang melalui penggunaan kosa kata, perluasan ayat serta ayat yang gramatis (Norul Haida, 2014). Hal ini menjadi cabaran kepada murid tahap 1 terutamanya murid bukan penutur natif dalam penulisan karangan. Menurut Lai et al. (2017), kemahiran menulis berkait rapat dengan kemahiran berfikir dan penulisan dan merupakan hasil daripada proses berfikir. Menurut Yahya dan Suzanawaty (2014) pula, murid sukar menguasai kemahiran menulis kerana melibatkan proses kognitif yang tinggi. Lantaran itu, pengajaran kemahiran menulis terutamanya penulisan karangan menjadi cabaran yang tinggi bagi para pendidik terutamanya pengajaran penulisan dalam bahasa kedua. Penguasaan kosa kata Bahasa Malaysia yang terhad menjadi tonggak utama kepada masalah penguasaan kemahiran penulisan kepada murid bukan penutur natif. Kosa kata memainkan peranan yang penting supaya membolehkan seseorang itu berkomunikasi dengan lancar, tidak kira dalam aspek pertuturan atau penulisan, terutamanya dalam pembelajaran bahasa kedua (Alhaadi & Zaitul Hamzah, 2018). Menurut Noor Habsah dan Yahya (2017) pula, kosa kata yang terhad menyebabkan murid tidak dapat menghuraikan idea dengan baik dalam penulisan kerana mengalami masalah dalam pemilihan atau penggunaan kosa kata yang sesuai semasa mengarang. Situasi ini selari dengan kajian Zamri dan Sharlina (2016) yang menyatakan terdapat pengaruh bahasa ibunda dalam penulisan bagi murid bukan

penutur natif di mana murid akan menggunakan terjemahan kosa kata daripada bahasa ibunda dalam penulisan lantas menyebabkan kesalahan tatabahasa atau struktur ayat.

Masalah penulisan bukan sahaja merupakan isu yang dihadapi oleh murid terutamanya murid bukan penutur natif, malah juga merupakan cabaran bagi kebanyakan guru mata pelajaran Bahasa Malaysia. Hal ini demikian kerana pengajaran dan pembelajaran yang bercorak koperatif masih kurang diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran. Menurut [Bhavani dan Zamri \(2017\)](#), walaupun pembelajaran koperatif telah lama diperkenalkan, namun murid yang terlibat dalam pembelajaran koperatif masih kurang terselah kerana mereka masih lagi mengamalkan pembelajaran berpusatkan Majoriti guru masih mengamalkan pendekatan pengajaran tradisional kerana kurang menguasai pedagogi abad ke-21 ([Aimi, 2017](#); [Mohd. Sahrul & Muhamad Suhaimi Taat, 2020](#)). Justeru, adalah penting bagi guru mengaplikasikan strategi pembelajaran yang berkesan dalam bilik darjah agar para murid lebih bermotivasi dan melibatkan diri secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran. Hal ini selari dengan aspirasi murid dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) yang menekankan bahawa semua kanak-kanak perlu menguasai sepenuhnya kemahiran literasi dan numerasi. Oleh itu, transformasi diperlukan bukan sahaja dari sudut medium penyampaian ilmu pengetahuan iaitu guru tetapi juga peranan murid itu sendiri. Murid perlu berupaya menjana pemahaman dan pengetahuan diri sendiri melalui sumber yang ada. Bagi mencapai matlamat tersebut, murid perlu melibatkan diri secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran manakala guru pula mengambil peranan untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif melalui kepelbagaian aktiviti atau cara pengajaran supaya pembelajaran yang kreatif dan inovatif akan memberikan impak positif terhadap murid khususnya dalam pembelajaran penulisan ([Abdul Rasid, 2011](#)). Dalam pada itu, kaedah dan pendekatan pembelajaran secara koperatif dalam kajian ini menggunakan strategi *think-pair-share* yakni dapat mengatasi isu berhubung dengan motivasi dan penglibatan serta tahap penguasaan penulisan dalam kalangan murid bukan penutur natif sekolah rendah agar mereka melibatkan diri secara langsung dalam proses pembelajaran.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan strategi *think-pair-share* dalam meningkatkan motivasi dan penglibatan murid bukan penutur natif dengan melihat penguasaan murid bukan penutur natif sebelum dan selepas 2 gelung intervensi dikendalikan.

Khususnya, kajian ini bertujuan untuk menjawab tiga objektif, iaitu:

- i. Mengetahui penguasaan penulisan Bahasa Melayu murid SJK(C) dengan menggunakan strategi *think-pair-share*.
- ii. Mengetahui penglibatan murid SJK(C) dalam penulisan Bahasa Melayu dengan menggunakan strategi *think-pair-share*.
- iii. Mengetahui motivasi murid SJK(C) dalam penulisan Bahasa Melayu dengan menggunakan strategi *think-pair-share*.

2. Sorotan Literatur

Menerusi gelombang 1 dan 2 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, Kementerian Pendidikan Malaysia berusaha untuk meningkatkan penguasaan mata pelajaran Bahasa Malaysia di semua sekolah terutamanya murid di SJKC manakala gelombang 3 dalam PPPM menekankan penyediaan kurikulum yang

luwes, relevan dan berkualiti tinggi. Dalam hal ini, kesediaan pihak sekolah dan para guru dari aspek pedagogi memainkan peranan penting untuk menjayakan pelan pendidikan negara kita. Penyerapan pembelajaran koperatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran memainkan peranan yang penting dalam memotivasikan murid terutamanya murid bukan penutur natif dalam proses pembelajaran penulisan mata pelajaran Bahasa Malaysia. Oleh itu, teori, model dan strategi *think-pair-share* yang diaplikasikan dalam kajian ini diperincikan dalam bahagian ini.

2.1. Teori Konstruktivisme Sosial Vygotsky

Teori utama yang diaplikasikan dalam kajian ini ialah teori konstruktivisme sosial oleh [Vygotsky \(1978\)](#). Teori konstruktivisme sosial menekankan perkembangan kognitif murid melalui interaksi sosial. Berdasarkan teori konstruktivisme sosial [Vygotsky \(1978\)](#), seseorang murid mempunyai dua tahap perkembangan yang berbeza, iaitu tahap pembangunan sebenar dan tahap perkembangan yang berpotensi. Tahap perkembangan sebenar berlaku apabila seseorang individu bebas menggunakan fungsi pemikiran kognitif manakala perkembangan berpotensi merujuk kepada tahap kognitif yang boleh dicapai oleh kanak-kanak melalui bantuan orang dewasa seperti guru, ibu bapa atau rakan-rakan. Atas dasar andaian ini, [Vygotsky \(1978\)](#) mengemukakan teori sosial konstruktivisme dan mencadangkan bahawa para guru boleh bekerjasama dengan murid supaya memudahkan pembinaan pengetahuan semasa perbincangan ([Yayu Tresna Suci, 2018](#)). Teori konstruktivisme sosial memerlukan murid membina ilmu pengetahuan sendiri dengan bantuan rakan sebaya dan bukannya hanya menjadi penerima ilmu dalam kaedah pembelajaran tradisional ([Vygotsky, 1978](#)).

Teori konstruktivisme [Vygotsky \(1978\)](#) menerangkan pengajaran dan pembelajaran meliputi segala aspek yang berkaitan dengan keupayaan murid. Hal ini adalah kerana segala pembelajaran yang dilakukan lebih berpusat kepada murid di mana murid belajar melalui proses aktiviti yang dijalankan oleh guru semasa di dalam bilik darjah. Dalam kajian ini, strategi *think-pair-share* akan dilaksanakan berdasarkan Teori Pembelajaran Konstruktivisme Sosial [Vygotsky \(1978\)](#) di mana proses pembelajaran dan kefahaman melibatkan proses kognitif dan murid dapat menjana idea dan pengetahuan baharu melalui interaksi sosial antara rakan sebaya ([Muhammad Husni et al., 2013](#)). Selain itu, penglibatan dengan rakan sebaya akan memberikan peluang kepada murid untuk menilai dan membandingkan idea sendiri dengan orang lain lantas meningkatkan kelemahan yang ada pada diri sendiri.

2.2. Model Pembelajaran Koperatif Student Teams Achievement Division (STAD)

Model yang diaplikasikan dalam kajian ini ialah model pembelajaran koperatif *Student Teams Achievement Division* (STAD). Model pembelajaran koperatif *Student Teams Achievement Division* (STAD) merupakan satu model pembelajaran yang dibangunkan oleh [Slavin \(1995\)](#). Menurut [Slavin \(1995\)](#), model STAD merupakan kaedah pembelajaran koperatif berasaskan kumpulan yang terdiri daripada 4 orang ahli berlainan dari segi pencapaian akademik, jantina dan bangsa untuk membentuk kumpulan heterogen. Kumpulan heterogen dibentuk agar para murid memberi peluang untuk bergaul dengan rakan yang berlainan. Dengan itu, mereka dapat berbincang sesuatu topik pembelajaran dan meneroka isu dari perspektif yang berlainan. Di samping itu, murid berpeluang untuk berkomunikasi dengan rakan-rakan semasa aktiviti dijalankan dalam model ini. Dalam pelaksanaan model ini, pada mulanya, guru akan memperkenalkan topik baharu. Kemudian, para murid dibahagikan dalam kumpulan

untuk belajar atau mendalami ilmu yang berkaitan dengan topik tersebut. Perbincangan dalam kumpulan amat digalakkan dalam langkah ini. Selepas itu, murid akan diberikan latihan kuiz untuk mendapatkan markah kepada kumpulan mereka.

Model STAD yang bercirikan koperatif turut banyak diaplikasikan dalam strategi *think-pair-share*. Dapatan kajian eksperimental [Eucharita Okwudilichukwu Ugwu \(2019\)](#) yang melibatkan 78 orang pelajar sekolah menengah di negara Nigeria menunjukkan peningkatan yang ketara dalam kumpulan eksperimental, iaitu ($m= 5.75$) manakala kumpulan kawalan mendapat ($m= 3.34$) dalam ujian pasca. Oleh itu, penggunaan model STAD berupaya meningkatkan penguasaan dan motivasi murid dalam pengajaran dan pembelajaran. Justeru, tahap penguasaan murid bukan penutur natif dalam penulisan serta motivasi murid dalam penguasaan penulisan akan dikaji berdasarkan model STAD dalam kajian ini.

2.3. Model Pembelajaran Koperatif

Menurut [Johnson dan Johnson \(1991\)](#), pengasas model pembelajaran koperatif, pembelajaran koperatif merupakan suatu alat pendidikan di mana murid membentuk sekumpulan kecil dan bekerjasama untuk meningkatkan pemahaman individu, serta ahli kumpulan terhadap sesuatu topik. Pembelajaran koperatif akan wujud apabila murid bekerjasama untuk mencapai matlamat pembelajaran bersama. Pembelajaran koperatif wujud apabila seseorang murid bekerjasama dengan rakan sebaya untuk mencapai matlamat pembelajaran yang tertentu. Hasil kajian [Charanjit et al. \(2020\)](#) yang menggunakan strategi *think-pair-share* yang merupakan model pembelajaran koperatif membantu meningkatkan kemahiran bertutur dalam Bahasa Inggeris kerana model koperatif membantu meningkatkan keyakinan murid dalam pertuturan bahasa kedua. Kesan daripada penggunaan model ini, murid dapat bertutur dengan fasih dan murid menjadi lebih proaktif dalam menyertai sesi perbincangan dan mengemukakan idea tersendiri.

Selain itu, pembelajaran melalui koperatif turut mencetus perbincangan antara murid lantas penglibatan aktif dalam aktiviti bilik darjah. Melalui dapatan kajian [Muhammad Lukman \(2018\)](#), penglibatan murid bertambah di mana terdapat 8 orang daripada 26 orang responden (31%) murid yang memenuhi semua syarat penglibatan dalam item borang pemerhatian dalam pertemuan keempat berbanding dengan 6 orang daripada 26 orang responden (26%) yang melibatkan diri dengan aktif dalam pertemuan pertama.

Seterusnya, pembelajaran koperatif yakni membantu meningkatkan motivasi murid terutamanya murid yang perlu menguasai bahasa kedua. Kajian yang dijalankan oleh [Fidrayani dan Novia \(2017\)](#) dalam meningkatkan penguasaan murid dalam Bahasa Indonesia memaparkan peningkatan 10% dalam tahap *self-efficacy* murid. Melalui pemerhatian guru, murid yang kurang aktif dan kurang bermotivasi dalam kumpulan dalam pertemuan pertama dan kedua kitaran pertama menjadi aktif dalam pertemuan pertama kitaran kedua. Mereka menjadi lebih suka berkongsi dan berupaya untuk mendengar pendapat rakan sebaya tentang topik yang diberikan oleh guru.

Kajian [Sahrin Sapsuha dan Riki Bugis \(2013\)](#) turut menyatakan model pembelajaran koperatif berupaya meningkatkan minat murid dalam kemahiran membaca dan dapatan kajiannya menunjukkan peningkatan dalam ujian *post* dengan skor min 69.13 berbanding dengan skor min 53.73 dalam ujian pra. Pendekatan model ini melatih murid

untuk membaca bahan rangsangan dalam bahasa kedua secara berkumpulan. Kesannya, murid lebih bersedia untuk menghadapi peperiksaan yang bakal menjelang.

Selanjutnya, pembelajaran koperatif membantu murid menguasai topik pengajaran yang disampaikan. Hal ini sejajar hasil dapatan daripada temu bual responden dalam kajian [Cheryl et al. \(2018\)](#). Responden berpendapat bahawa mereka dapat bergaul dengan lebih baik apabila aktiviti pembelajaran koperatif dijalankan di kelas. Mereka turut berpendapat bahawa perbincangan dalam kumpulan membantu mereka menguasai topik pengajaran dengan lebih efektif dan pembelajaran ini tidak membosankan berbanding dengan kaedah pengajaran tradisional yang berpusatkan guru.

Secara ringkasnya, pembelajaran koperatif yang berpusatkan murid banyak diserapkan dalam kebanyakan mata pelajaran untuk mengatasi masalah pembelajaran murid. Namun begitu, penggunaan model pembelajaran koperatif dalam mengatasi masalah penulisan dalam bahasa kedua masih kurang diaplikasikan. Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan penggunaan strategi *think-pair-share* yang bercirikan pembelajaran koperatif untuk mengatasi masalah penguasaan penulisan dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia bagi murid bukan penutur natif.

2.4. Strategi *think-pair-share*

Strategi *think-pair-share* merupakan teknik pembelajaran koperatif yang pertama kali dicadangkan oleh [Lyman \(1981\)](#). Strategi ini ialah strategi yang melibatkan tiga langkah di mana murid berfikir tentang soalan atau masalah yang diberikan, diberi masa yang terhad untuk berfikir, mengatur pemikiran mereka dan merumuskan idea dan jawapan mereka kepada soalan-soalan yang diberikan. Kemudian, mereka berpindah ke langkah seterusnya di mana mereka bekerja secara berpasangan atau berkumpulan dan membincangkan jawapan mereka.

Dalam proses pertama (*think*), guru akan memberikan tajuk yang perlu dibincangkan dan masa akan diberikan kepada murid untuk mengaitkan pengetahuan lama. Menurut [Pressley et al. \(1992\)](#), langkah ini memberi peluang kepada murid untuk berfikir dan memberi mereka peluang yang baik untuk mengetahui apa yang mereka tahu dan apa yang perlu mereka ketahui. Dalam proses ini, pemikiran kritis berlaku apabila murid perlu menyambung, mengaju dan menjalankan kemahiran dan pengetahuan sebelumnya ke dalam topik baharu. Pemindahan maklumat yang dipelajari membantu mereka lebih peka dalam ilmu yang dipelajari pada masa hadapan agar proses ini dapat digunakan pada masa hadapan. Dalam proses kedua, *pair*, guru akan membahagikan murid secara berpasangan atau berkumpulan untuk membincangkan jawapan mereka dengan rakan berpasangan. Proses ini membolehkan murid bertanya dengan pasangan lain untuk mendapatkan idea baharu tentang tajuk yang dikemukakan. Proses ini melibatkan pembelajaran bercirikan koperatif di mana para murid bersama-sama terlibat dalam aktiviti untuk mencapai objektif pembelajaran. Mereka berpeluang untuk membincangkan dapatan idea sendiri ketika proses *think* bersama rakan. Menurut [Cici Veronika dan Syafri \(2020\)](#), proses *pair* mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih aktif kerana murid mempunyai lebih banyak masa untuk membina dan membincangkan idea dengan bebas dan berkongsi maklumat dengan rakan-rakan lain. Proses ini juga membantu murid berinteraksi dengan rakan sekumpulan lantas meningkatkan tahap penyertaan murid di dalam bilik darjah. Dalam proses *share* yang merupakan proses terakhir dalam strategi ini, murid akan diberikan peluang untuk membentangkan hasil perbincangan pasangan atau kumpulan kepada seluruh kelas lantas mewujudkan

perbincangan dua hala di mana murid lain akan memberikan pendapat atau perkara yang kurang difahami (Eka Haryanti, 2019). Hal ini turut membantu para murid benar-benar memahami topik pengajaran sebelum guru menyimpulkan topik tersebut. Sepanjang proses strategi *think-pair-share*, guru berperanan sebagai pembimbing dan memberikan bimbingan jika murid mempunyai persoalan.

Terdapat banyak kajian tentang strategi *think-pair-share* yakni ia bukan lagi strategi yang baharu dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian yang dikendalikan oleh Phan Minh Huyen dan Do Thi My Lan (2021) memaparkan kesan positif dalam kalangan responden semasa pengendalian aktiviti strategi *think-pair-share* di mana murid melibatkan secara aktif apabila mengendalikan strategi *think-pair-share* kerana proses strategi mudah difahami dan menyenangkan murid untuk mengendalikan strategi ini dalam proses pembelajaran. Dapatan daripada kajian tindakan Muhammad Hudri dan Irwandi (2018) turut menunjukkan peningkatan dalam kemahiran membaca mata pelajaran Bahasa Inggeris responden di mana 20 daripada 30 orang responden mencapai penglibatan aktif (67%) dalam kitaran kedua berbanding dengan 8 daripada 30 orang responden (27%) mencapai penglibatan aktif dalam kitaran pertama. Responden turut kelihatan lebih bermotivasi dalam sesi perkongsian idea selain berkeyakinan dalam menyuarakan pendapat sendiri.

Dari aspek kemahiran penulisan, strategi *think-pair-share* juga menyumbang dalam peningkatan tahap penguasaan kemahiran penulisan. Dapatan kajian Irwan Affendi et al. (2020) yang menggunakan strategi *think-pair-share* dalam mengatasi masalah penulisan pelajar menengah Malaysia menunjukkan responden lebih berkeyakinan untuk mengarang kerana mempunyai kawan yang sudi membantu. dalam menilai struktur ayat dan kesalahan tatabahasa. Dapatan hasil analisis dokumen kajian Griffen (2012) juga menunjukkan murid dapat mengingatkan konsep ayat topik dan ayat huraian selain menunjukkan minat terhadap penulisan Bahasa Malaysia. Hal ini disebabkan murid belajar secara koperatif dalam suasana yang menyeronokkan. Lantaran itu, dapat melihat keberkesanan strategi koperatif ini dalam meningkatkan masalah pembelajaran yang dihadapi oleh murid.

Walaupun kajian-kajian lepas telah membuktikan bahawa strategi yang melibatkan pembelajaran koperatif ini dapat meningkatkan pencapaian objektif melalui pengalaman lama dan secara tidak langsung meningkatkan pemikiran mereka tentang dalam menyelesaikan masalah pembelajaran terutamanya bagi murid yang merupakan penutur kedua. Walaupun kaedah koperatif ini banyak diaplikasikan dalam kajian di luar dan dalam negara untuk menangani masalah pembelajaran dan motivasi murid terutamanya murid yang gagal menguasai bahasa kedua, namun kebanyakan kajian dijalankan untuk menangani kemahiran bertutur dan membaca. Oleh itu, kajian ini memfokuskan pengaplikasian strategi ini dalam peningkatan motivasi dan penglibatan dalam penguasaan penulisan Bahasa Melayu murid berbangsa Cina yang bukan penutur natif.

3. Metod Kajian

3.1. Reka Bentuk

Kajian ini menggunakan kajian tindakan Kemmis dan Taggart (1988) berbentuk kuantitatif. Tujuan kajian tindakan dilaksanakan adalah untuk membantu murid bukan penutur natif dengan menggunakan strategi *think-pair-share* yang bercirikan pembelajaran koperatif untuk meningkatkan motivasi dan penglibatan dalam

penguasaan penulisan Bahasa Malaysia melalui 2 gelung intervensi. Justeru, rasional reka bentuk ini dipilih disebabkan ia dapat membantu pengkaji meningkatkan motivasi dan penglibatan murid bukan penutur natif dalam penguasaan penulisan Bahasa Malaysia secara berperingkat dalam gelungan kajian tindakan melalui ujian pra dan pasca, pengedaran borang soal selidik dan pengumpulan data melalui borang pemerhatian.

3.2. Populasi dan Sampel Kajian

Populasi sasaran kajian ini terdiri daripada 20 orang murid Tahun 3 dari sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di Ipoh. Kesemua sampel dalam Tahun 3 dipilih menjadi sampel kajian melalui teknik persampelan secara tidak rawak untuk melihat perubahan dalam motivasi dan penglibatan sampel dalam penguasaan penulisan Bahasa Malaysia sebelum dan selepas penggunaan strategi *think-pair-share* dalam penulisan Bahasa Malaysia.

3.3. Instrumen Kajian

Data bagi kajian ini dikumpulkan menggunakan ujian pra dan pasca, borang soal selidik dan borang pemerhatian. Ujian pra dan ujian pasca yang digunakan dipilih mengikut Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dan sesuai dengan tahap murid Tahun 3.

Soal selidik jenis tertutup turut digunakan untuk melihat motivasi dan penglibatan murid sebelum dan selepas intervensi. Borang soal selidik kajian ini merangkumi 3 bahagian. Bahagian A merupakan demografi bagi tujuan mengetahui latar belakang responden kajian. Bagi Bahagian B, instrumen *Development of the Academic Writing Motivation Questionnaire* (Ashley Renee Payne, 2012) diadaptasi untuk mengukur tahap motivasi murid dalam penulisan Bahasa Malaysia dengan menggunakan strategi *think-pair-share* sebelum dan selepas intervensi. Instrumen *Students Team Achievement Division* yang diadaptasi daripada Jamaludin dan Muhammad Fauzi (2018) telah digunakan dalam bahagian C bagi tujuan mengukur tahap penglibatan murid dalam penulisan Bahasa Malaysia dengan menggunakan strategi *think-pair-share* sebelum dan selepas intervensi. Semua item yang dikemukakan telah diubahsuai mengikut kesesuaian dan juga diadaptasi berdasarkan persoalan kajian. Skala Likert 5 Mata telah digunakan untuk bahagian B dan C.

Seterusnya, pengkaji juga menggunakan borang pemerhatian sebagai instrumen dalam kajian tindakan ini untuk memenuhi kaedah triangulasi data dalam kajian tindakan. Menurut LoiKuang Siang (2012), pengumpulan data dalam kaedah triangulasi untuk menjawab setiap persoalan kajian telah dilaksanakan dengan menggunakan pelbagai kaedah. Borang pemerhatian terdiri daripada 3 elemen, iaitu Bahagian A, instrumen untuk mengukur motivasi murid semasa melaksanakan intervensi dan Bahagian B, instrumen *Using Think-Pair-Share Technique To Improve Students' Writing Skill In Descriptive Text* diadaptasi daripada Ainul YaQin (2018). untuk mengukur penglibatan murid semasa intervensi dikendalikan.

3.4. Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Kesahan kandungan untuk instrumen kajian ini telah dinilai dan disahkan oleh seorang pakar bidang psikologi pendidikan dan seorang Guru Cemerlang Bahasa Malaysia. Para

pakar telah menilai dan menyemak item-item dari aspek kandungan berdasarkan objektif kajian.

Data responden yang dikumpulkan dianalisis dengan perisian SPSS versi 26.0 dan dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif. Analisis deskriptif melaporkan min, sisihan piawai, kekerapan dan peratusan untuk mengenal pasti profil latar belakang sampel kajian, tahap penguasaan penulisan Bahasa Malaysia sebelum dan selepas intervensi, tahap motivasi murid sebelum dan selepas motivasi serta tahap penglibatan murid sebelum dan selepas intervensi. Skor min digunakan untuk analisis deskriptif. Skor min yang tertinggi dicapai oleh item-item tertentu menunjukkan ia merupakan unsur dominan dalam kajian ini. Pengukuran tahap skor min adalah berdasarkan kepada empat tahap seperti [Jadual 1 \(Nunnally dan Bernstein, 1994\)](#).

Jadual 1: Interpretasi skor min

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

3.5. Kaedah Pelaksanaan Kajian

Model CAR [Kemmis dan Taggart \(1988\)](#) menerangkan cara pelaksanaan kajian tindakan yang terdiri daripada 6 langkah, iaitu tinjauan masalah, merancang, bertindak, memerhati, mereflek dan merancang semula.

3.5.1. Tinjauan Masalah

[Muhammad Lukman \(2018\)](#) menyatakan bahawa kajian tindakan bertujuan untuk membangunkan strategi pengajaran tertentu untuk menyelesaikan masalah pengajaran praktikal dalam pembelajaran bahasa kedua. Oleh itu, kajian ini direka untuk menyelesaikan masalah motivasi dan penglibatan murid bukan penutur natif dalam penguasaan penulisan Bahasa Malaysia. Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah membuat pemerhatian terhadap motivasi dan penglibatan murid dalam penulisan Bahasa Malaysia semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Selain itu, pengkaji turut menganalisis borang Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia untuk mengenal pasti masalah murid bukan penutur natif dalam penulisan Bahasa Malaysia.

3.5.2. Merancang

Perancangan merangkumi aktiviti di mana pengkaji boleh membuat pelan pelaksanaan pembelajaran dan merancang aktiviti-aktiviti yang setaraf dengan tahap murid supaya mereka memahami objektif pembelajaran. Aktiviti yang dirancang termasuk aktiviti atau latihan yang melibatkan rangsangan supaya murid dapat berfikir dan menganalisis topik yang diajar secara bebas sebelum aktiviti berpasangan (*pair*) dijalankan untuk perbincangan antara pasangan ([Ayel Robbul dan Setya Raharja, 2020](#)).

Dalam kajian ini, setelah mengenal pasti masalah responden dalam penguasaan penulisan Bahasa Malaysia melalui pemerhatian dalam bilik darjah dan analisis borang Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Selepas itu, pengkaji mula merancang dan membuat

persediaan untuk pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan strategi *think-pair-share*. Dalam penyerapan strategi ini, pengkaji memfokuskan bahan penulisan karangan jenis keperihal dan mengendalikan 4 kali perjumpaan dalam satu gelung dan melibatkan 2 gelung dalam masa sebulan untuk membantu meningkatkan motivasi dan penglibatan responden bukan penutur natif dalam penguasaan penulisan Bahasa Malaysia dengan menggunakan strategi *think-pair-share*. Ujian pra dan pasca turut dijalankan sebelum melaksanakan strategi *think-pair-share* dalam meningkatkan motivasi serta penglibatan murid dalam penguasaan penulisan Bahasa Malaysia.

3.5.3. Bertindak

Dalam proses ini, pengkaji menyerapkan strategi *think-pair-share* dalam pengajaran penulisan karangan jenis keperihal. Strategi ini dibahagikan kepada 3 tahap, iaitu berfikir (*think*), berpasangan (*pair*) dan berkongsi (*share*) dan dikendalikan dalam 2 gelung sepanjang masa sebulan.

a. Tahap Pertama : Berfikir (*think*)

Pengkaji akan mengemukakan soalan yang berkaitan tentang tajuk karangan pada hari tersebut mengikut rancangan yang ditetapkan dan setiap responden diberikan masa sepanjang 10 minit untuk berfikir secara individu. Dalam pada itu, responden digalakkan untuk mencatat idea dalam buku catatan.

b. Tahap Kedua: Berpasangan (*Pair*)

Secara berpasangan, responden akan berbincang isi-isi atau idea masing-masing. Pada tahap ini pengkaji juga akan mengarahkan setiap pasangan untuk berkongsi idea yang dikemukakan kepada pasangan lain (4 ahli dalam satu kumpulan) untuk memperoleh isi-isi karangan yang relevan dengan tajuk. Dalam tahap ini, responden diberikan peluang untuk berinteraksi dengan rakan sepasangan dan rakan-rakan lain dalam masa 10 minit untuk perbincangan. Responden akan diberikan peranan masing-masing dalam tahap ini, iaitu sebagai ketua kumpulan, pencatat, pembentang atau pelapor.

c. Tahap Ketiga: Berkongsi (*Share*)

Pengkaji akan mengarahkan setiap ahli kumpulan untuk berkongsi maklumat dengan membentangkan hasil isi dan maklumat yang telah mereka bincangkan pada tahap berpasangan (*Pair*) kepada seluruh kelas. Pada tahap ini, responden lain digalakkan untuk memberikan pandangan dan pendapat kumpulan mereka. Pengkaji akan mengorganisasikan dan merumuskan idea yang dikemukakan oleh setiap kumpulan responden sebelum setiap responden menulis karangan yang lengkap.

Sepanjang kajian ini, aktiviti akan dilaksanakan sepanjang 1 jam (60 minit) sebanyak empat kali.

3.5.4. Memerhati

Dalam proses ini, pengkaji akan memerhatikan prestasi setiap responden dan mencatatkan dalam borang pemerhatian setiap proses yang dijalankan dalam setiap perjumpaan. Borang pemerhatian merangkumi item tentang penglibatan aktif setiap responden dalam setiap perjumpaan pelaksanaan aktiviti strategi *think-pair-share*.

Pengkaji akan menandakan dalam borang pemerhatian yang diadaptasi daripada borang pemerhatian.

3.5.5. Merancang Semula

Dalam proses ini, pengkaji mendapat laporan analisis daripada proses mereflek dan mula merancang dan membuat penambahbaikan dalam rancangan topik karangan atau cara pelaksanaan. Perancangan ini penting bagi pengkaji meninjau keberhasilan penggunaan strategi *think-pair-share* dalam meningkatkan motivasi dan penguasaan responden dalam penulisan. Proses ini turut memberikan peluang kepada pengkaji untuk menambahbaikan rancangan dan prosedur dalam perjumpaan agar dapat meningkatkan keberkesanan strategi tersebut.

4. Hasil Kajian

Kajian ini dilaksanakan di Zon Kinta Utara yang terdiri daripada 20 orang responden. Analisis profil demografi berkenaan dengan jantina, umur dan tahap pendidikan. [Jadual 2](#) merupakan maklumat demografi kajian ini.

Jadual 2: Profil demografi kajian

Faktor Demografi	Kekerapan (N)	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	9
	Perempuan	11
Kaum	Melayu	7
	Cina	11
	India	2
Umur	7 tahun	0
	8 tahun	0
	9 tahun	20

[Jadual 2](#) menunjukkan 20 orang responden yang terlibat dalam kajian tindakan ini. Bilangan responden lelaki yang terlibat ialah seramai 9 orang (45%) dan responden perempuan ialah seramai 11 orang (55%). Seterusnya, pecahan taburan mengikut kaum pula menunjukkan etnik dibahagikan kepada 3 bangsa, iaitu bangsa Melayu, Cina dan India. Didapati daripada 20 responden, peratusan tertinggi adalah kaum Cina dengan bilangan 11 orang (55%) diikuti oleh kaum Melayu sebanyak 7 orang (35%) dan kaum India sebanyak 2 orang (10%). Seterusnya, [Jadual 2](#) juga menunjukkan 20 orang responden (100%) berumur 9 tahun.

4.1. Tahap Penguasaan Penulisan Melalui Perbandingan Markah Ujian Pra dan Pasca

Ujian pra dilaksanakan sebelum intervensi dan ujian pasca dilaksanakan selepas intervensi untuk melihat tahap penguasaan murid dalam penulisan Bahasa Melayu. Tema karangan dalam kajian ini ialah Karangan Jenis Keperihal dan jumlah markah adalah 25 markah.

Berdasarkan [Jadual 3](#), 20 orang responden mendapat peningkatan yang tinggi dalam ujian pasca berbanding ujian pra. Responden M7 mendapat peningkatan yang paling tinggi (32%) dalam ujian pasca selepas intervensi strategi *think-pair-share* diperkenalkan. Responden M9 dan M10 pula mendapat peningkatan kedua tinggi (28%)

dalam ujian pasca. Manakala responden M2, M13, M17, M19 dan M12 mendapat peningkatan yang paling rendah (12%) dalam ujian pasca.

Jadual 3: Perbandingan Ujian Pra dan Pasca

Responden	Ujian Pra		Ujian Pasca		Perbandingan Pencapaian	Perbezaan Peratusan (%)
	Markah (25%)	Peratusan (%)	Markah (25%)	Peratusan (%)		
M1	9	36	13	52	Meningkat	16
M2	8	32	11	44	Meningkat	12
M3	10	40	14	56	Meningkat	16
M4	11	44	15	60	Meningkat	16
M5	12	48	17	68	Meningkat	20
M6	9	36	16	64	Meningkat	28
M7	8	32	18	72	Meningkat	40
M8	11	44	17	68	Meningkat	24
M9	10	40	18	72	Meningkat	32
M10	12	48	20	80	Meningkat	32
M11	10	40	15	60	Meningkat	20
M12	11	44	18	72	Meningkat	24
M13	12	48	15	60	Meningkat	12
M14	11	44	17	68	Meningkat	24
M15	13	52	20	80	Meningkat	28
M16	11	44	15	60	Meningkat	16
M17	13	52	16	64	Meningkat	12
M18	12	48	18	72	Meningkat	24
M19	12	48	15	60	Meningkat	12
M20	11	44	14	56	Meningkat	12

4.2. Tahap Motivasi Murid Sebelum dan Selepas Intervensi

Borang soal selidik telah digunakan untuk menguji tahap motivasi responden sebelum dan selepas intervensi. Pengkaji telah mengutarakan 10 item dalam borang soal selidik kepada 20 orang responden kajian berkenaan dengan motivasi murid dalam penulisan Bahasa Melayu sebelum dan selepas intervensi untuk melihat perbandingan sebelum dan selepas intervensi dikendalikan. Hasil kutipan data dalam motivasi responden dianalisis secara deskriptif dalam bentuk jadual di bawah.

Jadual 4 merupakan hasil perbandingan motivasi murid dalam penguasaan penulisan Bahasa Melayu sebelum dan selepas intervensi dengan menggunakan instrumen soal selidik. Berdasarkan Jadual 4, didapati motivasi murid berada pada tahap yang tinggi ($M=4.20$, $SD= 0.76$) selepas intervensi berbanding sebelum intervensi ($M=1.66$, $SD=0.54$).

Secara keseluruhannya, analisis borang soal selidik sebelum dan selepas intervensi menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap motivasi dalam penguasaan penulisan murid SJK(C) setelah strategi *think-pair-share* diperkenalkan. Ini seterusnya menyebabkan nul 1 (H_0) ditolak.

Jadual 4: Perbandingan Motivasi Murid Dalam Penulisan Bahasa Melayu Sebelum dan Selepas Intervensi

Motivasi Murid Dalam Penulisan Bahasa Melayu	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Sebelum Intervensi	1.66	0.54	Rendah
Selepas Intervensi	4.20	0.76	Tinggi

4.3. Tahap Penglibatan Murid Sebelum dan Selepas Intervensi

Borang soal selidik dan borang pemerhatian digunakan dalam kajian ini untuk melihat tahap penglibatan responden sebelum dan selepas intervensi. Dalam borang soal selidik pengkaji telah mengutarakan 17 item kepada 20 orang responden kajian berkenaan dengan penglibatan murid dalam penulisan Bahasa Melayu selepas intervensi. Hasil kutipan data dalam penglibatan responden dianalisis dalam bentuk min, sisihan piawai dan tahap seperti [Jadual 5](#) di bawah.

Jadual 5: Penglibatan Murid Dalam Penulisan Melayu Selepas Intervensi

Penglibatan Murid Dalam Penulisan Bahasa Melayu	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Sebelum Intervensi	1.35	0.54	Rendah
Selepas Intervensi	4.07	0.64	Tinggi

[Jadual 5](#) merupakan hasil perbandingan penglibatan murid dalam penguasaan penulisan Bahasa Melayu sebelum dan selepas intervensi dengan menggunakan instrumen soal selidik. Berdasarkan [Jadual 5](#), didapati penglibatan murid berada pada tahap yang tinggi ($M=4.07$, $SD= 0.64$) selepas intervensi berbanding sebelum intervensi ($M=1.35$, $SD=0.54$).

Borang pemerhatian digunakan sebagai instrumen untuk melihat tahap motivasi penguasaan murid sebelum dan selepas intervensi dalam kajian tindakan ini. Borang pemerhatian ini merangkumi 14 item dan menggunakan skala likert sebagai skala pengukuran. Hasil kutipan data dalam borang pemerhatian dianalisis dalam bentuk min, sisihan piawai dan tahap seperti [Jadual 6](#) di bawah.

Jadual 6: Motivasi dan Penglibatan Murid Melalui Pemerhatian

Motivasi dan Penglibatan Murid Melalui Pemerhatian	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Sebelum Intervensi	2.88	0.53	Sederhana Rendah
Selepas Intervensi	3.78	0.63	Tinggi

[Jadual 6](#) merupakan hasil perbandingan motivasi dan penglibatan murid melalui pemerhatian sebelum dan selepas intervensi dengan menggunakan instrumen borang pemerhatian. Berdasarkan [Jadual 6](#), didapati penglibatan murid berada pada tahap yang

tinggi ($M=3.78$, $SD= 0.63$) selepas intervensi kajian tindakan berbanding dengan sebelum intervensi ($M=2.88$, $SD=0.53$).

Secara keseluruhannya, analisis borang soal selidik dan borang pemerhatian sebelum dan selepas intervensi menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penglibatan dalam penguasaan penulisan murid SJKC setelah strategi *think-pair-share* diperkenalkan. Ini seterusnya menyebabkan nul 1 (H_03) ditolak.

4.4. Refleksi Kajian Tindakan

4.4.1. Gelung 1

Pada awal gelung 1, responden berasa asing kerana ini merupakan kali pertama responden didedahkan cara penulisan karangan yang berlainan dengan kaedah yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran kaedah tradisional di dalam kelas. Pengkaji telah menerangkan cara pelaksanaan strategi *think-pair-share* dan apa yang perlu responden perhatikan sepanjang masa pelaksanaan strategi ini. Pengkaji memberikan masa sebanyak 10 minit untuk berfikir dalam proses *think*. Dalam proses ini, responden dididik untuk mencatat isi penting dalam borang *think-pair-share* yang diedarkan oleh pengkaji. Seterusnya, responden telah dibahagikan dalam kumpulan dan diberikan masa sebanyak 20 minit untuk melaksanakan aktiviti perbincangan secara koperatif. Sepanjang aktiviti dilaksanakan, beberapa orang responden berasa malu kerana tidak pernah melakukan aktiviti penulisan karangan dalam bentuk kumpulan. Setelah penjelasan dan galakkan daripada pengkaji dan beberapa orang ketua kumpulan, responden mulai menyertai dalam aktiviti perbincangan. Para responden turut berpeluang untuk mempersembahkan karangan kumpulan mereka di hadapan kelas dan masa yang diambil sebanyak 15 minit. Responden yang lain pula mengambil peranan untuk membaca dan menilai karangan kumpulan lain. Sesi *sharing* dijalankan untuk tujuan perkongsian dan peneguhan positif daripada guru turut diberikan untuk menggalakkan responden yang malu. Sistem pengumpulan mata turut diperkenalkan kepada responden dalam tahap ini dan responden perlu memberikan pendapat sendiri terhadap karya kumpulan lain. Pendapat yang bernas akan diberikan mata. Melalui pemerhatian, responden mula bergiat dalam berkongsi karangan kumpulan masing-masing. Hal ini selari dengan kajian [Rahayu Saraswati \(2018\)](#) yang berpendapat bahawa strategi *think-pair-share* dapat meningkatkan motivasi dan penglibatan murid dalam proses pembelajaran. Kajian [Veknaswari Subramaniam et al. \(2019\)](#) turut memaparkan pembelajaran dengan menggunakan strategi *think-pair-share* dapat merangsang pemikiran murid lantas memberikan penekanan kepada pembelajaran yang berpusatkan murid melalui interaksi sosial sejajar dengan Teori Konstruktivisme Sosial.

Pengkaji berpuas hati apabila melihat responden bukan sahaja berkomunikasi dalam kumpulan tentang tajuk yang dibincangkan, malah murid yang pandai akan membantu murid yang lemah dari segi tatabahasa dan penggunaan ayat. Peningkatan yang amat memuaskan dalam gelung 1 dengan menggunakan intervensi strategi *think-pair-share*. Responden kelihatan lebih bersemangat apabila membuat latihan penulisan. Hal ini selari dengan kajian [A. Rukmini \(2020\)](#) yang menunjukkan peningkatan hasil pembelajaran murid selepas penggunaan strategi *think-pair-share* dan murid berupaya untuk memahami tajuk pengajaran dan pembelajaran lantas memberi perhatian kepada bahan diajar. Hal ini disebabkan mereka tidak lagi berasa bosan, mengantuk dan jemu sepanjang aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan pembelajaran koperatif ini.

4.4.2. Gelung 2

Pada awal gelung 2, responden mula bersemangat dan tidak sabar untuk menerima tajuk karangan daripada guru. Dalam gelung 2, guru hanya memaparkan tajuk karangan dan memberikan penerangan yang sedikit dan responden berupaya untuk menjana idea sendiri dan merangka rangka karangan dalam borang *think-pair-share*. Kelihatan bilangan responden yang mengangkat tangan untuk menanya soalan berkenaan tajuk karangan telah berkurangan dalam tahap pertama (*think*) dalam strategi *think-pair-share*. Seterusnya, dalam tahap kedua strategi ini, (*pair*), responden bergerak dengan pantas menuju ke kumpulan masing-masing dengan memenuhi Standard Operasi Pergerakan (SOP) untuk perbincangan kumpulan. Dalam tahap ini, responden mengemukakan pendapat yang dicatat dalam borang *think-pair-share* dan membuat perbincangan tentang cara penulisan. Selain itu, kelihatan 2 kumpulan mengagihkan tugas dan peranan setiap ahli dalam kumpulan, ada yang bertanggungjawab untuk membaca apa yang ditulis, ada yang bertanggungjawab menyemak dan sebagainya. Sesi pairing ini dijalankan dengan lancarnya berbanding tahap *pairing* dalam gelung 1.

Selepas itu, dalam tahap ketiga (*share*), responden berebut-rebut untuk berkongsi karangan mereka di depan kelas. Suasana yang menyeronokkan membantu murid menumpukan perhatian dan sistem pengumpulan mata bagi kumpulan diteruskan. Para responden turut memberikan pendapat masing-masing tentang karya kumpulan lain. Keadaan ini selari dengan dapatan kajian [Mundriyah dan Aseptiana Parmawati \(2016\)](#) melalui pemerhatian yang memaparkan suasana pembelajaran kelas lebih menyeronokkan selepas intervensi strategi *think-pair-share* diaplikasikan dalam pembelajaran penulisan. Murid memberikan perhatian dalam perbincangan kumpulan dan bergiat untuk berkongsi pendapat kumpulan kepada rakan sekelas selepas perbincangan kumpulan.

Proses yang dijalankan dalam gelung 2 bertambah licin berbanding proses dalam gelung 1. Ini bermaksud murid telah menyesuaikan diri dengan cara penulisan karangan dalam kumpulan dan mereka lebih bergerak atau belajar secara kumpulan. Ada kumpulan yang akan membaca karangan mereka bersama-sama selepas menulis untuk menyemak kesalahan tatabahasa mereka. Motivasi dan penglibatan responden yang aktif dapat dilihat dan ini menyebabkan pengkaji yang sebagai guru berasa senang hati.

5. Perbincangan Kajian

5.1. Penguasaan Penulisan Bahasa Malaysia

Pengaruh interaksi sosial ke atas pembelajaran telah dikaji secara meluas tetapi kurang dikaji dalam kemahiran penulisan dalam bahasa kedua. Oleh yang demikian, kajian tindakan ini dikendalikan untuk mengenal pasti motivasi dan penglibatan murid bukan penutur natif dengan penguasaan mereka dalam penulisan Bahasa Malaysia setelah penggunaan strategi *think-pair-share*. Dapatan daripada kajian tindakan ini menunjukkan strategi *think-pair-share* yang dikendalikan berupaya membantu responden bukan penutur natif untuk mencari isi-isi karangan dan menulis ayat tanpa kesalahan tatabahasa melalui kerjasama yang wujud antara murid.

Keputusan ini membuktikan murid dapat belajar dengan lebih baik dalam bentuk kumpulan berbanding pembelajaran sendiri di dalam kelas. Dapatan kajian ini selari dengan kajian [Rosnani et al. \(2017\)](#) yang menunjukkan bahawa strategi *think-pair-share*

berjaya meningkatkan keupayaan murid secara bertulis dalam ujian pasca. Kajian [Mutia \(2021\)](#) turut menunjukkan dapatan yang sama, iaitu tahap penguasaan murid dalam penulisan berada pada tahap yang tinggi dan berjaya membantu murid dalam aspek ejaan, kesalahan tanda baca dan sebagainya. Oleh itu, strategi *think-pair-share* berupaya untuk meningkatkan penguasaan penulisan murid dalam aspek isi dan penulisan ayat gramatis melalui perbincangan antara ahli kumpulan.

Berdasarkan teori konstruktivisme sosial [Vygotsky \(1978\)](#), murid dapat membina ilmu pengetahuan sendiri tanpa bantuan rakan sebaya dalam kumpulan dan bukannya hanya menjadi penerima ilmu dalam kaedah pembelajaran tradisional. Proses pembelajaran dan kefahaman turut melibatkan proses kognitif dalam proses *think* dan murid dapat menjana idea dan pengetahuan baharu melalui interaksi sosial antara rakan sebaya dalam proses *share*. Hasil analisis deskriptif memaparkan kesemuanya responden mendapat peningkatan dalam markah ujian pasca. Hal ini demikian kerana strategi *think-pair-share* lebih berupaya untuk mencetus pemikiran kognitif sendiri dan merangsang daya berfikir murid untuk menjana idea di mana murid diberikan masa untuk berfikir secara sendiri isi-isi dan pendapat sendiri sebelum berbincang dalam kumpulan. Ini turut memberi peluang kepada murid bukan penutur natif memahami tajuk karangan dan kehendak isi yang disampaikan oleh seseorang guru lantas meningkatkan penguasaan penulisan sendiri. Hasil kajian ini disokong oleh kajian [Ningtyas dan Lilis \(2017\)](#) yang memaparkan murid yang diajar dengan menggunakan strategi *think-pair-share* menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam penguasaan penulisan berbanding dengan murid yang diajar dengan menggunakan kaedah tradisional. Dapatan kajian [Merchelian Lucy et al. \(2013\)](#) turut memaparkan murid berupaya untuk menggunakan kosa kata yang betul dan berupaya dalam mengembangkan idea dalam penulisan selepas intervensi. Justeru, strategi *think-pair-share* dapat mempengaruhi cara pembelajaran murid terutamanya dalam aspek penulisan murid bukan penutur natif untuk meningkatkan penguasaan mereka dalam penulisan Bahasa Malaysia.

5.2. Motivasi Murid Dalam Penguasaan Penulisan Bahasa Malaysia

Melihat kepada tahap motivasi murid, nilai keseluruhan min skor selepas 2 gelung intervensi berada pada tahap yang tinggi, Keputusan ini merupakan dapatan yang positif serta menggalakkan terhadap murid bukan penutur natif dalam penguasaan kemahiran penulisan Bahasa Malaysia dengan menggunakan strategi *think-pair-share*. Murid lebih bermotivasi dalam menulis karangan bersama rakan sebaya dalam kumpulan kerana strategi *think-pair-share* menjadikan proses pembelajaran penulisan di dalam kelas tidak membosankan. Ini dapat menghasilkan suasana pembelajaran penulisan lebih aktif dan menyeronokkan. Dapatan kajian yang diperoleh ini disokong dengan kajian [Cavide dan Halil \(2017\)](#) yang menyatakan strategi ini dapat membantu meningkatkan motivasi murid dalam pembelajaran penulisan. Kajian oleh kajian [Merchelian Lucy et al. \(2013\)](#) juga menunjukkan murid lebih fokus dan bermotivasi dalam sesi pembelajaran penulisan di dalam bilik darjah dalam gelung 2 kajian tindakan berbanding gelung pertama yang dikendalikan dalam kajian tindakan. Hal ini demikian kerana proses *pair* dalam strategi *think-pair-share* membolehkan para murid berbincang dan saling mempelajari dalam kumpulan. Murid yang lemah dalam penulisan juga mempunyai peluang untuk mempelajari cara penulisan daripada rakan sebaya lantas menjadi lebih bermotivasi untuk meningkatkan penguasaan penulisan. Dalam proses *share* dalam strategi ini, murid turut berpeluang untuk berkongsi ilmu setelah perbincangan dalam kumpulan kepada rakan-rakan kumpulan lain. Dalam proses ini, murid dapat bertukar-tukar pendapat hasil daripada perbincangan kumpulan dan suasana yang kondusif untuk

pembelajaran akan membantu meningkatkan motivasi mereka untuk terus mempelajari. Keadaan ini disokong oleh kajian [Hemant dan Priyamvada \(2018\)](#) melalui temu bual guru yang mendapati murid melibatkan diri sepenuhnya dalam aktiviti yang dijalankan dan suka menggunakan masa dalam perbincangan kumpulan yang merupakan aspek yang penting dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Hal ini disebabkan perbincangan dalam kumpulan membolehkan para guru memahami tahap penguasaan murid berkenaan topik pembelajaran.

5.3. Penglibatan Murid Dalam Penguasaan Penulisan Bahasa Malaysia

Hasil kajian memaparkan nilai keseluruhan min skor soal selidik berada pada tahap yang tinggi bagi penglibatan murid dalam penguasaan penulisan Bahasa Malaysia selepas intervensi. Murid melibatkan diri dengan aktif dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan Bahasa Malaysia selepas intervensi berbanding dengan sebelum intervensi. Hasil dapatan borang soal selidik menunjukkan murid lebih suka bekerja secara berkoperatif bersama-sama ahli kumpulan dan berinteraksi bersama-sama ahli kumpulan membantu meningkatkan motivasi murid untuk belajar dalam penulisan. Hasil kajian selari dengan kajian [Hidayana dan Fahriany \(2020\)](#) juga memaparkan tahap penglibatan murid meningkat dalam gelung 2 berbanding gelung 1 dan murid lebih suka belajar secara berkumpulan untuk mencapai tahap penguasaan penulisan yang lebih tinggi. Murid turut kelihatan berfokus dan bergiat aktif dalam perbincangan melalui pemerhatian.

Seterusnya, analisis deskriptif dalam borang pemerhatian juga memaparkan kesemuanya tahap penglibatan murid meningkat dalam gelung 2 berbanding dengan gelung 1. Murid melibatkan aktif dalam aktiviti semasa strategi *think-pair-share* dikendalikan dalam pengajaran dan pembelajaran. Hasil dapatan borang pemerhatian turut menunjukkan murid bergiat dalam mempersembahkan idea masing-masing kepada rakan sekumpulan dan menumpukan perhatian sepanjang perbincangan kumpulan. Hasil dapatan kajian selari dengan kajian [Jazilatul et al. \(2021\)](#) yang memaparkan tahap penglibatan murid dalam aktiviti strategi *think-pair-share* pada gelung 1 mencapai 41.6% dan meningkat kepada 48.4% pada gelung 2 berdasarkan analisis borang pemerhatian. Dapatan yang diperolehi juga selari dengan kajian [Ariana Sampsel \(2013\)](#) mendapati penglibatan murid meningkat melalui analisis deskriptif borang soal selidik selepas intervensi. Murid juga menunjukkan minat mereka semasa perbincangan kelas apabila menggunakan strategi *think-pair-share* dalam PdPc. Tegasnya, keputusan yang diperolehi ini dapat disokong dengan Model *Student Teams Achievement Division* (STAD) yang menekankan pembelajaran koperatif untuk memberikan peluang kepada murid belajar sambil bergaul dengan rakan ([Slavin, 1995](#)). Pembelajaran koperatif ini memotivasikan para murid untuk melaksanakan sesuatu tugas bersama rakan dan memupuk semangat berpasukan untuk mencapai objektif pembelajaran. Dengan pembelajaran koperatif, murid lebih berkomitmen dalam tugas yang diberikan dan lebih bergiat dalam menyempurnakan tugas bersama rakan.

6. Kesimpulan

Tidak dapat dinafikan bahawa strategi *think-pair-share* yang bercirikan pembelajaran koperatif merupakan pembelajaran abad ke-21 yang merupakan hala tuju pendidikan negara kita. Pembelajaran yang berpusatkan murid ini menerapkan elemen seperti komunikasi, kolaboratif melalui proses koperatif dalam kalangan kumpulan dan elemen seperti pemikiran kritis turut diterapkan melalui proses pemikiran dalam *strategi think-*

pair-share. Justeru, guru sekolah rendah perlulah menguasai cara pengajaran yang berpusatkan murid dan menerapkan strategi *think-pair-share* ini dalam mata pelajaran untuk meningkatkan motivasi para murid.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada responden yang telah memberikan kerjasama sepanjang kajian tindakan ini bagi menjayakan kajian ini. Selain itu, penghargaan tertinggi diberikan kepada pensyarah bimbingan saya yang banyak membimbing dan membantu sepanjang kajian tindakan ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan dalam kajian ini.

Rujukan

- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid-Murid Sekolah Rendah di Luar Bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 1-12.
- Alhaadi Ismail & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2018). Analisis Kesalahan dalam Penulisan Pelajar Bahasa Kedua dari Aspek Morfologi. *Jurnal Linguistik*, 22(1), 24-31.
- Aman Shah Syed Ali, Zamri Mahamod & Mohammaed Azlan Mis. (2022). Masalah Penulisan Karangan Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Bukan Penutur Natif di Sekolah Rendah. *Konvensyen Bahasa Melayu 2021*. https://www.researchgate.net/publication/356264767_Masalah_Penulisan_Karangan_Bahasa_Melayu_Dalam_Kalangan_Murid_Bukan_Penutur_Natif_Di_Sekolah_Rendah
- Aimi Hafizah Fadzilah. (2017). *Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Koperatif Berasaskan Abad ke-21: Satu Tinjauandi Sekolah MenengahKebangsaan Pekan Nenas*. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Univerisiti Tun Hussien Onn Malaysia.
- Ainul YaQin. (2018). Using Think-Pair-Share Technique to Improve Students' Writing Skill in Descriptive Text. *Education and Teacher Traning Faculty Walisongo State Islamic University Semarang*.
- Ariana Sampsel. (2013). *Finding the Effects of Think-Pair-Share on Student Confidence and Participation. Honors Projects*. 28.
- A. Rukmini. (2020). Model Kooperatif Tipe Think Pair Share (TPS) dalam Pembelajaran Pkn SD. *Workshop Nasional Penguatan Kompetensi Guru Sekolah Dasar*, 3(3), 2176-2181.
- Ashley Renee Payne. (2012). Development of The Academic Writing Motivation Questionnaire. *University of Georgia*, 2012.

- Ayel Robbul Barokah & Setya Raharja. (2020). Improving Learning Motivation and the Ability to Organism Categorize with Think Pair Share Learning Model. *Social Science, Education and Humanities Research*, 541.
- Ayuni Mohamad Bakari & Rohaidah Kamaruddin.(2016). International Journal of the Malay World and Ciculturalisation, 4(2), 83-92.
- Weiner, B. (1980). *Human Motivation*. Hillsdale, New Jersey y 07642.
- Bhavani Somasundram & Zamri Mahamod (2017). Keberkesanan Pembelajaran Koperatif Terhadap Pencapaian dan Motivasi Murid Sekolah Menengah dalam Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 11-23.
- Cavide Demirci & Halil Duzenli. (2017). Formative Value of an Active Learning Strategy: Technology Based Think-Pair-Share in an EFL Writing Classroom. *World Journal of Education*, 7(6), 2017.
- Charanjit Kaur Swaran Singh, Arnita Ramachandran, Tarsame Singh Masa Singh, Ong Eng Tek, Melor Md Yunus & Dodi Mulyadi. (2020). The Use of Think Pair Share of Cooperative Learning to Improve Weak Students' Speaking Ability. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, 24(05).
- Cheryl Lee, Hui Li Chuan & Masitah Shahrill. (2018). Utilising the Think-Pair-Share Technique in the Learning of Probability. *International Journal on Emerging Mathematics Education*, 2(1), 49-64.
- Chew, F. P. (2016). Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Cina Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEL)*, 6(2), 10-22.
- Cici Veronika Surmarsya & Syafri Ahmad. (2020). Think Pair Share Sebagai Model untuk Meningkatkan Motivasi Peserta Didik dalam Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Tambusai*, 4(2), 1374-1188.
- Dimiyati & Mujiono. (2006). *Belajar dan Pembelajaran*. Rineka Cipta.
- Eka Haryanti. (2019). Cooperative Learning Tipe Think-Pair-Share (TPS) Sebagai Model Pembelajaran Sastra (Mengenal Teks Puisi). *Jurnal Tambora*, 3(1), 27-31.
- Eucharia Okwudilichukwu Ugwu. (2019). Effect of Student Teams Achievement Division and Think-Pair-Share on Students' Achievement in Reading Comprehension. *African Journal of Teacher Education*, 8(2019), 218-237.
- Fidrayani, Novia Fauzia. (2017). The Implementation of Think Pair Share on Learning Outcomes and Self-Efficacy in Fourth Grade SD Muhammadiyah 12 Pamulang. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 115(2017).
- Griffen Encharang. (2012). Kesan Teknik "Think Pair Share" dalam Kemahiran Menulis Ayat Topik dan Ayat Huraian Murid Tahun Empat. *Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Bahasa Melayu amb. Januari 2009, Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL 2012*, 15-29.
- Hamid Tohidi & Mohammad Mehdi Jabbari. (2012). The Effect of Motivation in Education. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 31, 820 – 824.
- Hemant Lata Sharma & Priyamvada. (2018). TPS (Think-Pair-Share): An Effective Cooperative Learning Strategy for Unleashing Discussion in Classroom Interaction. *International Journal of Research in Social Science*, 5(1), Mei 2018.
- Hidayana Putri, Fahriany & Nasifuddin Jalil. (2020). The Influence of Think-Pair-Share in Enhancing Students' Speaking Ability. *Journal of Education, Teaching and Learning*, 5(1), 67-72.
- Irwan Affendi Md Naim, Nik Mohd Afiq Nik Luqman & Juan Matmin. (2020). Enhancing Students' Writing Performance in Higher Learning through Think-Write-Pair-Share: An Experimental Study. *Asian Journal of University Education (AJUE)*, 16(3), Oktober 2020.

- Jamaludin, M., & Mokhtar, M. F. (2018). Students Team Achievement Division. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(2), 559–566.
- Jazilatul Adawiyah, Regina & Ikhsanudin. (2021). Improving Students' Engagement in Speaking Through Think-Pair-Share Technique. *Journal of English and Literature*. 2(2), 2021.
- Johnson, D. W., Johnson, R. T., & Smith, K. A. (1991). *Active learning: cooperation in the college Classroom*. Edina, MN: Interaction Book Company.
- Kamaruddin Hussin (1993). *Pengajaran lisan: Kemahiran mendengar dan bertutur*. Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Khairul Nizam Mohamed Zuki & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. (2017). Sikap dan Motivasi Murid Bajau dalam Mempelajari Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, 7(1), 24-33.
- Kemmis, S., & MacTaggart, R. (1988). *The Action Research Planner*. Geelong, Victoria, Australia: Deakin University Press.
- Lidia Susanti.(2020). *Strategi Pembelajaran Berbasis Motivasi: Menyajikan Pentingnya Motivasi dalam Pembelajaran*.PT Gramedia, Jakarta.
- LoiKuang Siang. (2012). Kesan Penggunaan Kaedah Bercerita dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Sains Tahun Lima. *Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP SN amb. Januari 2009, Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012*, 102-115.
- Lyman, F. (1981). *The Responsive Classroom Discussion*. In A. S. Anderson (Ed.), *Mainstreaming Digest (pp. 109-113)*. College Park, MD: University of Maryland College of Education.
- Mariam Abd Majid & Zanariah Dimon. (2015). Peranan Motivasi Terhadap Pembentukan Tingkahlaku Manusia. https://www.Researchgate.Net/Publication-/340662069_Peranan_Motivasi_Terhadap_Pembentukan_Tingkahlaku_Manusia. [16 April 2021].
- Merchelien Lucy Astheri, Dahlan Rais & Teguh Sarosa. (2013). Improving Students' Writing Skill by Using Think Pair Share (TPS). *English Education*, 2(1), 2013.
- Mohd. Sahrul Nizam Sahidin & Muhamad Suhaimi Taat. (2020). Pembelajaran Kooperatif Kemahiran 4K dan Penggunaan Media Digital Terhadap Sikap Akademik Pelajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 5(4), 133-141.
- Muhammad Hudri & H. Irwandi. (2018). Improving Students' Reading Skill Through Think-Pair-Share (TPS) Technique. *The 1st International Conference on Halal Tourism, Products, and Services 2018*, 30-31 Oktober.
- Muhammad Husni, W. Iasmawan, A.A.I.N. Marhaeni. (2013). Pengaruh Model Pembelajaran Kooperatif Tipe Think Pair Share Terhadap Prestasi Belajar PKN Kelas IV SD Gugus I Selong Ditinjau Dari Motivasi Belajar. *e-Journal Program Pascasarjana Universitas Pendidikan Ganesha*, 3(2013).
- Muhammad Lukman Syafli. (2018). Using The Think-Pair-Share Strategy to Increase Students' Active Involvement and to Improve Their Speaking Ability. *Indonesian Journal of English Education*, 5(1), 62-80.
- Mundriyah & Aseptiana Parmawati. (2016). Using Think-Pair-Share (TPS) to Improve Students' Writing Creativity. *Jurnal Ilmiah UPT P2M STKIP Siliwangi*, 3(2), November 2016.
- Mutia. (2021). The Effectiveness of Using Think-Write-Pair-Share Technique in Teaching Writing. *Project Professional Journal of English Education*, 4(2), Mac 2021.

- Ningtyas Orilina Argawati & Lilis Suryani. (2017). Teaching Writing Using Think-Pair-Share Viewed From Students' Level of Risk-Taking. *English Review: Journal of English Education*, 6(1), Desember 2017.
- Noor Habsah Ali & Yahya Othman. (2017). Strategi Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua Dalam Kalangan Pelajar Melanau Daerah Daro. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, 8(1), 33-41.
- Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli & Siti Saniah Abu Bakar.(2017). Kekangan Pelajar dalam Mempelajari Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Asing. *Proceeding of the International Conference on the Teaching and Learning of Languages (ICTLL 2017)*. https://www.researchgate.net/profile/Noor-Muhd-Zulkifli/publication/326548936_Kekangan_Pelajar_dalam_Mempelajari_Bahasa_Melayu_sebagai_Bahasa_Asing/links/5b5511c845851507a7c03340/Kekangan-Pelajar-dalam-Mempelajari-Bahasa-Melayu-sebagai-Bahasa-Asing.pdf. [16 Desember 2021].
- Norul Haida bt Hj Redzuan.(2014). Modul 'Bijak Mengarang' Mempertingkatkan Kemahiran Menulis Karangan. *Jurnal Peradaban Melayu* ,9(2014).
- Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric Theory* (3rd ed.) New York: McGraw-Hill.
- Ooi, C. H. & Vijayaletchumy Subramanian. (2017). Faktor Timbulnya Pengaruh Bahasa Pertama dalam Mempelajari Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua.Ulum Islamiyyah, 20(2017), 35-45.
- Phan, H., & Lan , D. T. M. . (2021). Using Think-Pair-Share Strategy to Support Students in Speaking Lessons. *Journal of English Language Teaching and Applied Linguistics*, 3(4), 01-08.
- Pressley, M., El-Dinary, P. B., Gaskins, I., Schuder, T., Bergman, J. L., Almasi, J., & Brown, R. (1992). *Beyond Direct Explanation: Transactional Instruction of Reading Comprehension Strategies*. *The Elementary School Journal*, 92(5), 513-555. <http://www.jstor.org/stable/1001737>. [6 Desember 2021].
- Rahayu Saraswati. (2018). Pengaruh Model Pembelajaran Think Pair Share Terhadap Motivasi dan Hasil Belajar Pembelajaran Ekonomi. *Tajdidukasi Jurnal Penelitian dan Kajian Pendidikan*. 8(2), Julai 2018.
- Rosnani Sahardin, Cut Salwa Hanum & Sofyan A. Gani. (2017). Using Think-Pair-Share for Writing Descriptive Texts. *Studies in English Language and Education*, 4(1), 54-65.
- Sahrin Sapsuha & Riki Bugis. (2013). Think Pair Share Technique to Improve Students' Reading Comprehension. *ICE-Ed conference. ELT Practices in Asia: Challenges and Opportunities*. https://www.researchgate.net/publication/326548936_Kekangan_Pelajar_dalam_Mempelajari_Bahasa_Melayu_sebagai_Bahasa_Asing. [16 Desember 2021].
- Slavin, R. E. (1995). *Cooperative learning: Theory, research, and practice*. Boston: Allyn & Bacon.
- Sufinatin Aisida. (2018). Menciptakan dan Memelihara Fun Learning dengan Kekuatan Motivasi. *Semantic Scholar*. <https://www.semanticscholar.org/paper/Menciptakan-dan-Memelihara-Fun-Learning-dengan-Aisida/2101dde964-d59c993e3a7ce637df25b65c255354#related-papers>. [03 November 2021].
- Veknaswari Subramaniam, Mohd Faiz Yaakob & Hapini Awang. (2019). Kesan Think Pair Share Terhadap Pencapaian Dan Sikap Murid Dalam Mata Pelajaran Matematik. *Journal of Education Research and Indigenous Studies*, 2(1), 2019.
- Vygotsky, L. (1978). *Mind In Society*. The Development of Higher Psychological Processes (eds M.Cole, V. Jphn-Steiner, S. Scriber and E. Souberman). Cambridge, MA : Havard University Press.

- Yahya Othman & Suzanawaty Pg. Osman. (2014). Keupayaan Menguasai Kemahiran Menulis Melalui Pembelajaran Berasaskan Projek dalam Penulisan Berbentuk Risalah di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(1), 19-24.
- Yayu Tresna Suci. (2018). Menelaah Teori Vygotsky dan Interpedensi Sosial Sebagai Landasan Teori Dalam Pelaksanaan Pembelajaran Kooperatif di Sekolah Dasar. *Jurnal Kajian Penelitian Pendidikan Dan Pembelajaran*, 3(1), 231-239.
- Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah.(2013). Sikap dan Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 134 (2014) 408 - 415.
- Zamri Mahamod & Sharlina Mohamad Shamsuddin. (2016). Tahap Motivasi dan Pencapaian Akademik Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Sekolah Rendah Luar Bandar, Daerah Meradong, Bintangor, Sarawak. *Mahawangsa*, 3(1), 63-78.